

**PERANAN MASJID MENURUT AL-SUNNAH :  
TUMPUAN UTAMA KEPADA MASJID-MASJID  
DI BRUNEI DARUSSALAM**

*Oleh*

**HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MANAP**

*Penyelia*

**Prof. Madya Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor**

Disertasi Ini Adalah Untuk Memenuhi Keperluan Ijazah  
Sarjana Usuluddin  
Bahagian Pengajian Usuluddin  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
1998

Perpustakaan Universiti Malaya



A509084673

Dimikrofisken pada..... 16 - 05 - 2000  
No. Mikrofis..... 14642  
Jumlah Mikrofis..... 6

*Orn*  
**HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI**  
**UPR** UNIT REPROGRAFI  
PERPUSTAKAAN UTAMA  
UNIVERSITI MALAYA

## PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Opah

HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MANAP  
UUD 9510

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah *s.w.t.*, kerana dengan limpah rahmat, hidayah dan kurnia Nya juga, kajian ilmiah ini dapat disiapkan dengan baik dan lancar. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad *s.a.w.*, kaum keluarga, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Dalam kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia disertasi ini, iaitu Prof. Madya Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor. Beliau telah banyak membimbing, memberi nasihat dan tunjuk ajar yang berguna kepada penulis dalam merangka dan menyiapkan kajian ini. Hanya kepada Allah *s.w.t.* sahaja penulis serahkan ganjaran yang setimpal di atas jasa baik beliau dalam menyumbangkan dan mengembangkan ilmu yang bermanfaat semata-mata kerana Allah *s.w.t.*

Sekalung penghargaan penulis tujukan buat seluruh kaum keluarga tercinta, terutama kepada isteri tersayang Dy. Zainab Binti Awg. Haji Tuah dan anak-anak, Ayahnya, Bonda serta keluarga, yang banyak membantu dan memberikan sokongan yang

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah *s.w.t.*, kerana dengan limpah rahmat, hidayah dan kurnia Nya juga, kajian ilmiah ini dapat disiapkan dengan baik dan lancar. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad *s.a.w.*, kaum keluarga, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Dalam kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia disertasi ini, iaitu Prof. Madya Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor. Beliau telah banyak membimbing, memberi nasihat dan tunjuk ajar yang berguna kepada penulis dalam merangka dan menyiapkan kajian ini. Hanya kepada Allah *s.w.t.* sahaja penulis serahkan ganjaran yang setimpal di atas jasa baik beliau dalam menyumbangkan dan mengembangkan ilmu yang bermanfaat semata-mata kerana Allah *s.w.t.*

Sekalung penghargaan penulis tujukan buat seluruh kaum keluarga tercinta, terutama kepada isteri tersayang Dy. Zainab Binti Awg. Haji Tuah dan anak-anak, Ayahnya, Bonda serta keluarga, yang banyak membantu dan memberikan sokongan yang

tidak terhingga kepada penulis semata-mata untuk mengharapkan kepada kejayaan yang dicita-citakan.

Dalam kesempatan ini juga, penulis ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang bermurah hati pada memberikan berbagai-bagai kemudahan urusan dan rujukan seperti Perpustakaan Ismail Umar Abdul Aziz, Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Perpustakaan Institut Pengajian Islam Brunei, Perpustakaan Pusat Sejarah Brunei, Perpustakaan Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Pusat Islam dan juga kepada individu-individu yang terlibat secara langsung atau tidak secara langsung bagi menyiapkan kajian ini. Tidak ketinggalan juga kepada semua Imam-Imam Masjid di Negara Brunei Darussalam, Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid Haji Yussuf bin Haji Ismail, Haji Metussin bin Haji Bakri, Haji Metussin bin Haji Timbang, Haji Abdullah bin Haji Lakim, Haji Abd. Manaf bin Haji Lahid, Haji Japar bin Hj Mat Dain, Haji Abd. Karim, Muhammad, Hj Jeluddin, Hj Mazanan, Hj Md Zaimi dan kepada semua teman-teman yang terlibat, yang nama mereka tidak dapat dimuatkan dalam ruangan yang terhad ini. Semoga segala bantuan dan kerjasama yang kelian berikan itu akan dibalas oleh Allah s.w.t dengan ganjaran yang setimpal.

Sebagai harapan, penulis berharap kajian ini akan dapat memberikan manfaat dan panduan kepada pembaca, semoga ia akan berkembang dari masa ke semasa dalam

memberikan kefahaman kepada semua lapisan masyarakat bagi tujuan meninggikan dan mempertahankan syiar Islam di muka bumi ini.

Akhirnya, segala yang baik itu adalah datangnya dari Allah s.w.t dan segala yang kurang itu adalah lahir dari kekurangan dan kelemahan penulis sendiri.

Haji Ismail Bin Haji Abd. Manap  
No. 67, Kampong Bukit Barun  
Layong, Tutong 5490  
Negara Brunei Darussalam.

## ABSTRAK

Kajian ini adalah merupakan kajian ilmiah yang baru bagi pentadbiran masjid-masjid di Brunei Darussalam. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengemaskinikan pentadbiran masjid-masjid masa kini sejajar dengan peranan dan fungsi masjid yang sebenar. Dengan menonjolkan peranan masjid menurut *al-Sunnah* sebagai panduan yang betul kepada masjid-masjid masa kini, terdapat beberapa perbezaan dari segi konsep masjid pada zaman awal Islam dengan keadaan yang berlaku sekarang.

Bagi melihat secara dekat akan permasalahan yang timbul dari kajian ini, serta untuk merealisasikannya menurut *al-Sunnah*, penulis telah membahagikan kajian ini kepada empat bab seperti berikut:-

*Bab 1.* Sebagai pendahuluan atau pembuka tirai kepada bab-bab seterusnya, penulis akan menumpukan perbincangan dalam bab ini mengenai dengan konsep masjid menurut *al-Sunnah*. Dalam bab ini, penulis memulakan perbincangan dengan menjelaskan beberapa definisi masjid dari segi bahasa dan syarak dengan menampilkan beberapa pendapat dan pandangan ulama yang muktabar mengikut bidang yang dibincangkan. Setelah itu, penulis telah melanjutkan perbincangan ini dengan membuat beberapa perbandingan konsep yang digunakan pada zaman Rasulullah s.a.w dengan penggunaan konsep yang berlaku pada masa sekarang.

Lanjutan daripada perbincangan di atas, soal-soal hukum-hakam yang berhubungkait dengan konsep masjid menurut *al-Sunnah* juga diambil kira, sama ada yang berhubung dengan kelebihan membina masjid, peraturan atau adab-adab dalam masjid dan beberapa pandangan ulama yang berhubung dengannya dimuatkan dalam bab ini.

Selain daripada itu, perkara-perkara yang berhubungkait dengan seni bina masjid juga diperbincangkan dalam bab ini. Dengan melihat kepada sejarah pembinaan masjid yang pertama dalam Islam yang diasaskan atas dasar takwa itu, penulis telah membuat satu perbandingan dalam perkembangan seni bina masjid mengikut apa yang berlaku dari zaman ke zaman, yang mana melalui perbandingan ini, dapat disimpulkan bahawa seni bina masjid itu telah berlaku perubahan dari masa ke semasa mengikut peredaran masa, budaya dan juga iklim setempat. Ketiga-tiga faktor ini tidak dapat tidak akan mempengaruhi struktur seni bina masjid, sekali pun tidak menepati asal usul seni bina yang sebenar.

Sebagai mengakhiri bab ini, penulis telah membawa beberapa contoh masjid utama dalam sejarah kehidupan manusia yang boleh dijadikan sebagai sandaran kepada pembinaan masjid-masjid masa kini.

*Bab II.* Sebagai lanjutan daripada bab sebelumnya, dalam bab ini penulis membuat satu pendekatan yang penting dalam kajian ini bagi mengenal pasti fungsi masjid menurut *al-Sunnah*. Dengan memberi tumpuan kepada masjid *al-Nabawi* atau dikenali juga sebagai masjid *al-Madinah al-Muawwarah*, penulis telah mengupas beberapa fungsi masjid ini dengan detil sebagai contoh atau sandaran yang sebenar untuk diaplikasikan kepada masjid-masjid masa kini. Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan di masjid ini, menggambarkan bahawa tidak ada suatu institusi pun di dunia ini yang boleh mengatasi peranan dan fungsi masjid ini.

Bagi melihat perbezaan peranan masjid menurut *al-Sunnah*, melalui bab ini juga penulis telah membawa beberapa contoh masjid yang menurut ketetapan *al-Sunnah*, dan juga sebuah masjid yang terkenal disebut dalam *al-Qurān* sebagai menyalahi peraturan *al-Sunnah*. Penonjolan masjid-masjid seperti ini dibuat, adalah semata-mata dijadikan sebagai gambaran awal kepada pembangunan masjid-masjid masa kini agar mengutamakan *al-Sunnah* sebagai panduan atau landasan kepada tujuan pembinaannya.

*Bab III.* Bab ini adalah merupakan titik permulaan kepada pengenalan pembangunan masjid-masjid di Brunei Darussalam. Oleh itu, penulis telah menetapkan tajuk bab ini kepada institusi-institusi masjid di Brunei Darussalam.

Dalam bab ini, penulis lebih menekankan kajian khusus kepada sejarah awal pembangunan masjid di Brunei dan juga dari sudut perspektif perundangan Brunei. Kedua-dua faktor ini, perlu ditonjolkan kerana ia mempunyai hubungkait dengan pembangunan dan pentadbiran institusi-institusi masjid di Brunei.

Berdasarkan kepada fakta sejarah, masjid-masjid di Brunei pada masa dahulu adalah merupakan sebuah institusi yang sangat berpengaruh di rantau ini dalam menyebarkan ajaran agama Islam sehingga menggugat misi pendakwah Kristian di kepulauan Filipina oleh orang-orang barat. Ini menjadikan isu yang menarik dikemukakan dalam bab ini sebagai mengenang pahit-manisnya yang pernah menimpa dan berlaku kepada masjid di Brunei. Melalui pengalaman ini, pembangunan masjid-masjid di Brunei masih tetap menjadi agenda utama dalam pembangunan infrastruktur negara yang diwarisi sejak zaman-berzaman.

Selain daripada itu, turut disentuh dalam perbincangan bab ini ialah tentang pentadbiran awal institusi-institusi masjid dari perspektif perundangan Brunei dan sejarah beberapa masjid utama di Brunei yang dianggap sebagai pelopor kepada perkembangan pembangunan masjid-masjid dan dakwah Islamiyah di Brunei.

*Bab IV.* Bab ini merupakan inti pati kepada keseluruhan perbincangan dan pembahasan bab-bab dalam disertasi ini. Dalam bab ini, penulis akan memfokuskan kajian khusus ke arah mewujudkan pentadbiran masjid yang bersistematis. Untuk merealisasikan peranan dan fungsi masjid menurut *al-Sunnah* dapat dipraktiskan kepada masjid-masjid masa kini, ianya bergantung kepada kewibawaan dan kecekapan para pentadbir masjid itu sendiri.

Persoalan penting yang akan dibincangkan dalam bab ini ialah mengenai dengan perlaksanaan pentadbiran masjid-masjid yang tidak menunjukkan kemajuan yang sebenarnya. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui kaji selidik dan soal selidik yang dijalankan dan dibuat oleh penulis sendiri. Di dalam bab ini juga, turut disentuh ialah beberapa cara dan cadangan yang perlu diketengahkan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang sedia ada, sama ada pada fizikal masjid itu sendiri mahu pun kepada para pentadbir masjid dan ahli-ahli jawatankuasanya.

## TRANSLITERASI

Dalam menulis perkataan-perkataan yang berbahasa Arab, penulis telah menggunakan kaedah transliterasi konsonan huruf Arab ke konsonan huruf Rumi yang digunakan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka.\* Kaedah tersebut adalah seperti berikut :

| Huruf Arab | Huruf Rumi |
|------------|------------|
| ا          | —          |
| ب          | b          |
| ت          | t          |
| ث          | th         |
| ج          | j          |
| ح          | h          |
| خ          | kh         |
| د          | d          |
| ذ          | dh         |

---

\* *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*, Kuala Lumpur, DBP, cet. ii, 1992.

|   |    |
|---|----|
| ر | ر  |
| ز | ز  |
| س | س  |
| ش | sy |
| ص | š  |
| ض | đ  |
| ط | ť  |
| ظ | ž  |
| ع | '  |
| غ | gh |
| ف | f  |
| ق | q  |
| ك | k  |
| ل | l  |
| م | m  |
| ن | n  |
| و | w  |



Di samping huruf-huruf di atas, terdapat juga sistem vokal Arab iaitu; ada vokal pendek, ada vokal panjang dan ada diftong. Tanda-tanda seperti ini digunakan juga dalam penulisan kajian ini sebagai berikut :

1. Pendek

\_\_\_\_\_ a

\_\_\_\_\_ i

\_\_\_\_\_ u

2. Panjang

\_\_\_\_\_ a

\_\_\_\_\_ i

\_\_\_\_\_ u

3. Diftong

\_\_\_\_\_ ay

\_\_\_\_\_ aw

Bagi perkataan Arab yang bertarwin, iaitu : \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_, dan \_\_\_\_\_, penulisannya

dibunyikan, sama ada ditulis an (*tarwin* berbaris di atas), in (*tarwin* berbaris di bawah) dan un (*tarwin* berbaris di hadapan).

## KEPENDEKAN

|             |  |
|-------------|--|
| A.          | = Ayat   |
| <i>a.s.</i> | = 'alayh al-salām  |
| bil         | = bilangan   |
| BMJ         | = Brunei Museum Journal                                      |
| cet         | = cetakan  |
| DBP         | = Dewan Bahasa Dan Pustaka                                   |
| dkk         | = dan kawan-kawan  |
| dll         | = dan lain-lain  |
| Dr.         | = Doktor   |
| GCE         | = General Certificate of Education                           |
| hal         | = halaman  |
| H.          | = Hijrah   |
| hb.         | = haribulan  |
| Hj          | = Haji   |
| Ibid        | = di tempat yang sama ( <i>ibidem</i> )                      |
| jil.        | = jilid  |
| JMBRAS      | = Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society |

|          |  |
|----------|--|
| KHEU     | = Kementerian Hal Ehwal Ugama                |
| M.K.B    | = Mufti Kerajaan Brunei                      |
| M.       | = Masihi<br>;                                |
| MUIB     | = Majlis Ugama Islam Brunei                  |
| No.      | = Number                                     |
| op. cit. | = Rujukan sebelumnya ( <i>opera citato</i> ) |
| PBNB     | = Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei        |
| PMB      | = Penilaian Menengah Bawah                   |
| Prof.    | = Profesor                                   |
| r.a.     | = <i>rađiyallah 'anh / rađiyallah 'anhum</i> |
| S.       | = Surah                                      |
| s.a.w    | = <i>sallallahu 'alayhi wasallam</i>         |
| SPU      | = Sijil Pelajaran Ugama                      |
| STPU     | = Sijil Tinggi Pelajaran Ugama               |
| s.w.t    | = <i>subhanahu wa Ta'ala</i>                 |
| Terj.*   | = Terjemahan                                 |
| t.t.     | = tanpa tarikh                               |
| Vol.     | = Volume                                     |

---

\* Semua terjemahan ayat-ayat al-Quran adalah berdasarkan kepada *Tafsir Pimpinan ar-Rahman* yang diterjemahkan oleh Syeikh Abdullah bin Mohd Basmeih, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, cet. vi., 1995.

**KANDUNGAN**

| <b>Kandungan</b>    | <b>Halaman</b> |
|---------------------|----------------|
| HALAMAN JUDUL ..... | i              |
| PENGAKUAN .....     | ii             |
| PENGHARGAAN .....   | iii            |
| ABSTRAK .....       | vi             |
| TRANSLITERASI.....  | xi             |
| KEPENDEKAN .....    | xiv            |
| KANDUNGAN .....     | xvi            |
| PENDAHULUAN .....   | 1              |

**BAB 1****KONSEP MASJID MENURUT *AL-SUNNAH***

|   |   |    |
|---|---|----|
| 1.1 Pendahuluan   | : | 5  |
| 1.2 Definisi Masjid   |   | 6  |
| a. Masjid Dari Segi Bahasa (Arab)                             |   | 6  |
| b. Dari Segi <i>Syara'</i>                                    |   | 8  |
| 1.2.1 Perbezaan Antara Masjid <i>Jāmi'</i> , Masjid Dan Surau |   | 12 |
| 1.2.2 Pengertian Masjid Yang Sebenar                          |   | 20 |
| 1.2.3 Perubahan Konsep Masjid Sepanjang Sejarah               |   | 22 |
| 1.3 Masjid Dan Hukum-Hukumnya                                 |   | 25 |
| 1.3.1 Kelebihan Membina Masjid                                |   | 26 |
| 1.3.2 Adab Dan Peraturan Menghayati Masjid                    |   | 30 |
| 1.3.3 Pandangan Ulama Terhadap Masjid                         |   | 47 |
| 1.3.4 Syarat-Syarat Dan Hukum Membina Masjid                  |   | 55 |
| 1.4 Sejarah Pembinaan Masjid Pada Permulaan Islam             |   | 65 |
| 1.4.1 Masjid Pertama Di Bina Dalam Islam                      |   | 65 |
| 1.4.2 Masjid Dalam Seni Bina Islam                            |   | 72 |
| 1.4.2.1 Pengertian Seni Dalam Islam                           |   | 78 |
| 1.4.2.2 Ciri-Ciri Seni Bina Masjid                            |   | 83 |
| 1.4.2.3 Penghayatan Dan Pengaruh Seni Bina Masjid             |   | 89 |
| 1.5 Sejarah Beberapa Masjid Utama Dalam Islam                 |   | 97 |
| 1.5.1 Masjid al-Haram   |   | 98 |

|                                     |     |
|-------------------------------------|-----|
| 1.5.2 Masjid al-Aqsa                | 103 |
| 1.5.3 Masjid <i>al-Qiblatayn</i>    | 106 |
| 1.5.4 <i>Jāmi'</i> 'Amrū Ibn al-'Āṣ | 109 |
| 1.5.5 <i>Al-Jāmi'</i> al-Umawī      | 110 |
| 1.5.6 <i>Al-Jāmi'</i> al-Azhar<br>i | 111 |
| 1.6 Kesimpulan                      | 113 |

## BAB 11

### FUNGSI MASJID MENURUT *AL-SUNNAH*

|   |     |
|---|-----|
| 2.1 Pendahuluan   | 116 |
| 2.2 Fungsi Masjid <i>Al-Nabawī</i>                          | 118 |
| 2.2.1 Pusat Pentadbiran Negara                              | 119 |
| 2.2.2 Pusat Pendidikan                                      | 130 |
| 2.2.3 Markas Ketenteraan Dan <i>Al-Riyadah</i>              | 145 |
| 2.2.4 Dewan Mesyuarat                                       | 162 |
| 2.2.5 Kehakiman Dan Perpaduan Ummah                         | 169 |
| 2.3 Contoh-Contoh Penghayatan Masjid                        | 175 |
| 2.3.1 Masjid Pada Zaman Rasulullah <i>s.a.w</i>             | 175 |
| 2.3.2 Masjid Pada Zaman <i>Khulafā' al-Rāsyidin</i>         | 182 |
| 2.3.3 Masjid Pada Zaman Bani Ummaiyah Dan Abbasiyah         | 188 |
| 2.4 Contoh Masjid Yang Melanggar Peraturan <i>Al-Sunnah</i> | 195 |
| 2.4.1 Masjid <i>Dirar</i> Dalam Al-Qurān                    | 196 |
| 2.4.2 Tujuan Dan Peranannya                                 | 202 |
| 2.4.3 Pengaruhnya   | 204 |

|                |     |
|----------------|-----|
| 2.5 Kesimpulan | 210 |
|----------------|-----|

## **BAB 111**

### **INSTITUSI-INSTITUSI MASJID DI BRUNEI**

|  |     |
|--|-----|
| 3.1 Pendahuluan  | 212 |
| 3.2 Latarbelakang Sejarah                              | 213 |
| 3.2.1 Islam Di Brunei                                  | 214 |
| 3.2.2 Pengaruh Agama Islam                             | 221 |
| 3.2.3 Pusat Penyebaran Islam                           | 227 |
| 3.3 Sejarah Institusi Masjid                           | 232 |
| 3.3.1 Masjid Pertama Di Brunei                         | 232 |
| 3.3.2 Bentuk Pembinaan Masjid                          | 239 |
| 3.3.3 Sambutan Masyarakat Kepada Masjid                | 242 |
| 3.3.4 Institusi Khatib Dan Peranannya                  | 247 |
| 3.4 Masjid Dalam Undang-Undang Brunei                  | 257 |
| 3.4.1 Peranan Majlis Ugama Islam                       | 258 |
| 3.4.2 Pembinaan Masjid-Masjid Dan Tempat-Tempat Ibadat | 267 |
| 3.4.3 Perlantikan Pegawai-Pegawai Masjid Dan Imam      | 272 |
| 3.4.4 Bidangkuasa Imam                                 | 276 |
| 3.5 Pentadbiran Masjid-Masjid                          | 281 |
| 3.5.1 Latarbelakang Sejarah Pentadbiran Masjid         | 282 |
| 3.5.2 Organisasi Jabatan Hal Ehwal Masjid              | 290 |

|   |         |
|---|---------|
| 3.5.3 Perkembangan Pembangunan Institusi Masjid | 297     |
| 3.5.4 Masjid Mengikut Adat Istiadat Brunei      | 302     |
| <br>3.6 Masjid-Masjid Utama Di Brunei           | <br>305 |
| 3.6.1 Masjid Omar Ali Saifuddin                 | 305     |
| 3.6.2 Masjid Setia Ali                          | 311     |
| 3.6.3 Masjid Hassanal Bolkiah                   | 314     |
| 3.6.4 Masjid Jamalul Alam                       | 318     |
| 3.6.5 Masjid Pekan Seria                        | 321     |
| 3.6.6 Masjid Utama Pengiran Muhammad Salleh     | 324     |
| <br>3.7 Kesimpulan                              | <br>328 |

#### **BAB IV**

#### **KE ARAH MEWUJUDKAN PENTADBIRAN MASJID YANG BERSISTEMATIK**

|   |     |
|---|-----|
| 4.1 Pendahuluan   | 332 |
| 4.2 Peranan Masjid  | 334 |
| 4.2.1 Pentadbiran Masjid  | 334 |
| 4.2.2 Perlantikan Ahli Jawatankuasa Masjid                      | 349 |
| 4.2.3 Tugas-Tugas Pentadbir Masjid Dan Ahli Jawatankuasa Masjid | 364 |
| 4.3 Pembangunan Masjid  | 368 |
| 4.3.1 Kedudukan Masjid  | 369 |
| 4.3.2 Struktur Pembinaan Masjid                                 | 374 |
| 4.3.3 Perpustakaan Masjid                                       | 377 |
| 4.3.4 Dewan Serba Guna  | 381 |
| 4.3.5 Gelanggang <i>Riyāḍah</i> (Sukan)                         | 382 |

|   |     |
|---|-----|
| 4.4 Pentakmiran Masjid  | 384 |
| 4.4.1 Aktiviti Harian dan Mingguan  | 386 |
| 4.4.2 Aktiviti Tahunan  | 398 |
| 4.4.3 Aktiviti Jangka Pendek  | 401 |
| 4.4.4 Aktiviti Jangka Panjang   | 402 |
| 4.4.5 Aktiviti Berkala  | 402 |
| 4.4.6 Aktiviti Pendidikan   | 409 |
| 4.4.7 Aktiviti Kesukanan  | 411 |
| 4.5 Hasil Laporan Soal Selidik  | 413 |
| 4.5.1 Bahagian A: Identiti  | 416 |
| 4.5.2 Bahagian B: Pentadbiran Masjid  | 424 |
| 4.5.3 Bahagian C: Pemeliharaan Masjid   | 431 |
| 4.5.4 Bahagian D: Takmir Masjid   | 436 |
| 4.6 Kesimpulan  | 443 |
| PENUTUP   | 447 |
| BIBLIOGRAFI   | 454 |
| LAMPIRAN I PANDUAN KERJA PEGAWAI2 MASJID 1977                                 | 471 |
| LAMPIRAN II GARISPANDU PEMBINAAN MASJID                                       | 483 |
| LAMPIRAN III SKIM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN IMAM /<br>KHATIB / BILAL / MERBUT | 503 |

## **PENDAHULUAN**

1810

## PENDAHULUAN

Tajuk disertasi ini ialah : *Peranan Masjid Menurut al-Sunnah : Tumpuan Utama Kepada Masjid-Masjid Di Brunei Darussalam*. Melihat kepada maksud sebenar tajuk ini, fokus kajian dan perbincangan adalah tertumpu kepada masjid-masjid di Brunei Darussalam sahaja. Maka, setiap persoalan sama ada yang berbentuk kritikan, pembetulan dan cadangan-cadangan yang membina adalah kembali kepada tajuk sebenar.

Kajian ini dibuat adalah berdasarkan kepada beberapa tujuan penting dan utama yang membuat penulis berminat untuk mengkajinya serta berkeyakinan untuk menyiapkannya. Di samping itu juga, kajian ini belum pernah dibuat dalam bentuk ilmiah khususnya di negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan peranan dan fungsi masjid-masjidnya. Bagi menjayakan kajian ini, penulis telah membuat pendekatan ke arah merealisasikan peranan dan fungsi masjid yang sebenar sebagaimana yang berlaku pada zaman Rasulullah *s.a.w* dan para sahabat *r.a* untuk dikembalikan dan dipraktikkan kepada masjid-masjid masa kini. Untuk merealisasikan kenyataan ini, persoalan yang akan timbul ialah sejauh mana masjid-masjid masa kini dapat mempertahankan *sunnah* Rasulullah *s.a.w* itu dalam membentuk masjid sebagai sumber inspirasi ke arah pembentukan masyarakat yang beriman, berakhhlak serta berilmu. Apakah perbezaan makna dan cara penggunaan serta perlaksanaan beberapa institusi masjid seperti masjid *jāmi'*, masjid dan

surau atau *musalla* dalam konteknya yang sebenar dengan realiti yang berlaku sekarang. Kesemua persoalan ini memerlukan kajian yang terperinci khususnya dari perspektif yang terdapat dalam *hadith-hadith* Rasulullah s.a.w dan pandangan ulama-ulama muktabar sebagai mengukuhkan hujah-hujah yang memerlukan kepada dalil yang kuat.

Memantapkan fahaman yang betul terhadap pengertian masjid yang sebenar kepada semua lapisan masyarakat adalah tujuan utama ke arah memajukan dan menjayakan misi dan peranan sesebuah masjid itu menjadi kenyataan. Walau bagaimanapun sesebuah masjid itu tidak akan mencapai kepada meritnya yang sebenar, sekiranya dua pihak yang bertanggungjawab ke arah itu, tidak peka akan tugas masing-masing atau tidak bersikap ortodoks. Kedua pihak ini terdiri daripada, pertama; pihak pentadbir masjid dan kedua; ahli jawatankuasa masjid atau jemaah masjid. Daripada dua pihak tersebut, banyak permasalahan atau persoalan yang terdapat padanya perlu diperbetulkan dan diperbaiki sebelum ianya menjadi parah atau menjadi penyakit yang sukar diubati.

Meskipun kedua pihak di atas lebih mempunyai kuasa dalam mentadbir masjid, namun pada pihak yang lain pula iaitu masyarakat setempat juga tidak terlepas daripada bertanggungjawab terhadap masjid untuk memakmurkannya. Kerana memakmurkan masjid itu adalah misi utama daripada pembangunan masjid. Sebab itulah pembangunan

masjid tidak sewenang-wenangnya didirikan tanpa melihat atau mengira syarat-syarat yang ditentukan oleh Islam. Syarat-syarat tersebut sudah setentunya mengandungi dari semua aspek luaran dan dalaman masjid termasuklah pihak pentadbir masjid itu sendiri dan sebagainya.

Bagi merealisasikan peranan dan fungsi masjid masa kini, peningkatan produktiviti secara profesional terhadap pentadbir masjid hendaklah dijadikan matlamat utama dalam wawasan bagi menseimbangkan peningkatan ilmu pengetahuan dan kemajuan dunia masa kini dengan berlandaskan ajaran Islam yang sentiasa berdaya maju dan mampu menangani kerumitan-kerumitan atau permasalahan-permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Masjid yang maju dan makmur itu menunjukkan atau menandakan masyarakatnya yang maju, berilmu, berakhhlak dan beragama. Adapun sebaliknya, masjid yang mundur itu sebenarnya tidak menepati *al-sunnah* sebagai matlamat utama dalam pembinaan dan pembangunannya yang sebenar. Dalam hal ini, penulis lebih mementingkan kajian ke arah memantapkan punca sebenar yang boleh mempengaruhi masjid sebagai pusat perpaduan masyarakat yang menghubungkan antara manusia dengan penciptanya dan antara manusia dengan manusia. Punca yang sebenarnya itu ialah mengukuhkan pentadbiran masjid yang berpengaruh dan berwibawa serta mewujudkan sistem pentadbiran yang boleh memenuhi cita rasa jemaah dan masyarakat setempat.

## **Methodologi Kajian**

Dalam menyusun penulisan disertasi ini sumber-sumber kajian yang digunakan adalah berdasarkan kepada pengumpulan data dan fakta, di samping penafsiran dan penulisan. Pengumpulan data dan fakta melalui penyelidikan perpustakaan adalah menjadi tumpuan atau pilihan penulis sebagai rujukan utama bagi menjayakan penulisan ini. Terdapat banyak kitab-kitab lama dan baru yang terdapat di perpustakaan-perpustakaan dan juga melalui orang-orang perseorangan dijadikan sebagai bahan bacaan dan sebahagiannya menjadi rujukan pertama penulis bagi menyempurnakan kajian disertasi ini.

Selain daripada menggunakan kajian perpustakaan yang mengandungi berbagai-bagai jenis buku, dokumen-dokumen, kajian-kajian ilmiah dan sebagainya, kajian juga dibuat terhadap manuskrip-manuskrip lama dan undang-undang Brunei. Di samping itu juga, bagi membuktikan kebenaran data dan fakta, penulis telah mengadakan temubual dengan beberapa pihak tertentu dan membuat beberapa kaji selidik dan soal selidik kepada Imam-Imam masjid di setiap daerah yang terdapat di Brunei Darussalam.